

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 7/12/2010

Pemegang biasiswa JPA boleh berkhidmat di GLC, swasta

Kekal kemahiran dalam negara

Oleh HELMI MOHD. FOAD
dan NORLIZA ABDUL RAHMAN
pengarang@utusan.com.my

PUTRAJAYA 6 Dis. – Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini mengumumkan beberapa inisiatif baru bagi mengekalkan bakat berkemahiran tinggi sedia ada dalam negara dan menarik kemasukan diaspora Malaysia di luar negara dalam usaha transformasi ekonomi ke arah negara berpendapatan tinggi.

Perdana Menteri berkata, dasar itu melibatkan kelonggaran kepada para pemegang biasiswa Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) yang terpilih untuk bekerja dengan syarikat berkaitan kerajaan dan swasta terutama dalam sektor membabitkan Bidang Utama Ekonomi Negara (NKEA) sebagai syarat membayar balik tempoh kontrak

dengan kerajaan.

Menurutnya, kerajaan juga akan menawarkan pas pemastautin kepada ekspatriat berkemahiran tinggi untuk menetap dan bekerja di negara ini bagi tempoh yang lebih lama tanpa terikat dengan majikan tertentu.

Permohonan bagi mendapatkan pas tersebut boleh dibuat dengan Jabatan Imigresen menjelang pertengahan tahun depan.

“Pas pemastautin juga akan diberikan kepada diaspora Malaysia iaitu membabitkan mereka yang asalnya dari negara ini atau anak-anak mereka yang tidak lagi menjadi warganegara Malaysia.

“Pas tersebut merupakan satu cara untuk menghubungkan mereka dengan Malaysia dan memberi kelonggaran untuk kembali bekerja di ne-

gara ini atau tinggal bersama dengan kaum keluarga di sini,” katanya ketika berucap pada pelancaran Talent Corporation Malaysia Bhd. di sini hari ini.

Hadir sama Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin; Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop dan Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein.

Malaysia melalui Program Transformasi Ekonomi (ETP) yang dilancarkan pada 26 Oktober lalu dijangka menjana lebih tiga juta peluang pekerjaan dalam industri bernilai tinggi dan untuk itu negara ini perlu melaksanakan inisiatif bagi menarik, membangun dan mengekalkan modal insan berkemahiran tinggi yang diperlukan bagi ekonomi berpendapatan tinggi.

Difahamkan sehingga kini terdapat kira-kira 700,000 rakyat Malaysia bekerja di luar negara terutama di Singapura dan Hong Kong.

Perdana Menteri juga mengumumkan keputusan Kabinet meluluskan penghapusan syarat-syarat mendapatkan pas pekerjaan iaitu melibatkan syarat mengiklankan bagi jawatan-jawatan ekspatriat utama, had maksimum 10 tahun dan mandatori bagi pengganti jawatan eksekutif.

Kata beliau, dasar-dasar yang melibatkan Imigresen itu adalah antara penambahbaikan yang dilaksanakan oleh Kementerian Dalam Negeri termasuk sistem pemarkahan baru bagi permohonan taraf penduduk tetap (PR) sejak Julai lalu.

Najib yang juga Menteri Kewangan berkata, ramai rakyat Malaysia meraih kejayaan di peringkat dunia ke-

tika bekerja di luar negara seperti Datuk Jimmy Choo yang menjadi ikon fesyen dan pada masa sama memberikan sumbangan bermakna kepada negara.

“Beliau sekarang bekerja dari London bagi membentuk sebuah institut pembuatan kasut di Malaysia. Satu lagi contoh ialah Prof. Danny Quah yang merupakan Ketua Jabatan dan Profesor Pengajian Ekonomi dan Sains Politik London yang berprestij selain pada masa sama berkhidmat sebagai anggota Majlis Penasihat Ekonomi Negara.

“Sementara kita mengalu-alukan kepulauan diaspora Malaysia, kita juga akan terus berhubung dengan mereka yang tinggal di seberang laut untuk mendapatkan sumbangan terbaik mereka bagi menjayakan proses transformasi negara,” katanya.